



PERADUAN SINEY – SINEY PAGI ERA SARAWAK

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

A. TERMA-TERMA ASAS

1.	Penganjur	Astro Radio Sdn Bhd
2.	Stesen Radio	ERA Sarawak
3.	Nama Peraduan	SINEY – SINEY PAGI ERA SARAWAK
4.	Huraian Ringkas Peraduan/Rancangan	<p>Untuk menenangi sebahagian daripada wang tunai berjumlah RM 2000, pendengar perlu membuat memuatnaik gambar kreatif bersama standee Afick dan Fir Affandi bersama kapsyen kreatif di laman web ERA.je yang terdapat di laman web Stesen Radio. Tarikh tutup penyertaan adalah 22 Februari 2018).</p> <p>Pada minggu yang seterusnya, penyampai yang bertugas akan menghubungi pendengar yang sudah menghantar penyertaan secara dalam talian secara rawak. Sekiranya gambar dan kapsyen mereka dipilih, pendengar perlu menjawab panggilan telefon dari penyampai yang bertugas dengan jawapan ‘Siney – Siney Pagi ERA Sarawak untuk menjadi pemenang.</p> <p>Sekiranya tiada pemenang, wang akan ditambahkan pada hari berikutnya.</p>
5.	Mekanism ringkas Peraduan	<ul style="list-style-type: none">a) Lengkapkan borang penyertaan serta muatnaik gambar berserta kapsyen paling kreatif.b) Pemenang akan dipilih berdasarkan gambar dan kapsyen yang menarik.c) Pada minggu yang seterusnya, penyampai yang bertugas akan menghubungi pendengar yang sudah menghantar penyertaan secara dalam talian secara rawak. Sekiranya gambar dan kapsyen mereka dipilih, pendengar perlu menjawab panggilan telefon dari penyampai yang bertugas dengan jawapan ‘Siney – Siney Pagi ERA Sarawak untuk menjadi pemenang.d) Sekiranya tiada pemenang, wang akan ditambahkan pada hari berikutnya.
6.	Kriteria Kelayakan	Peraduan ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang berumur 12 tahun ke atas pada 9 Februari 2018.
7.	Ketidaklayakan	<p>Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini :-</p> <ul style="list-style-type: none">a) Pekerja-pekerja/ Kontraktor-kontraktor Pengajur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Malaysia Holdings Berhad, anak syarikat dan syarikat bersekutunya, penaja-penaja, ejen-ejen, peniaga, pedagang atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Peraduan dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik beradik orang-orang tersebut;b) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1000 atau kurang daripada Stesen Radio dalam tempoh (30) hari sebelum Peraduan ini;c) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1001 - RM 5000 daripada Stesen Radio dalam tempoh (90) hari sebelum Peraduan ini;

		d) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 5001 atau lebih daripada Stesen Radio dalam tempoh (365) hari sebelum Peraduan ini.
8.	Umur Kelayakan	Peraduan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 12 tahun ke atas pada 9 Februari 2018.
9.	Caj	Caj telekomunikasi boleh dikenakan.
10.	Tempoh Peraduan	9 Februari sehingga 22 Februari 2018
11.	Bahasa Peraduan	Bahasa Malaysia
12.	Prosedur Penyertaan	Layari laman web www.ERA.je untuk menyertai peraduan
13.	Tarikh Tutup Penyertaan	22 Februari 2018
14.	Cara Penghantaran	Online / atas talian
15.	Alamat	Astro Radio Sdn Bhd Level 2, Menara MAA, Lot 86, Section 53, Jalan Central Timur/Ban Hock, 93100 Kuching, Sarawak.
16.	Pemilihan Pemenang	Pemenang akan dipilih berdasarkan gambar serta kapsyen yang menarik yang dimuatnaik di laman web stesen. Sekiranya nombor mereka dipanggil, pendengar perlu menjawab panggilan telefon dari penyampai yang bertugas dengan jawapan 'Siney – Siney Pagi ERA Sarawak untuk menjadi pemenang.
17.	Hadiah	Sebahagian daripada RM 2000.
18.	Pemberitahuan Pemenang Peraduan	Nama para Pemenang Peraduan akan diumumkan oleh pihak Penganjur selepas peraduan.
19.	Tempoh Pengambilan Hadiah	Akan diumumkan oleh pihak Penganjur selepas peraduan
20.	Tempat Pengambilan Hadiah	Pemindahan Telegraf oleh Penganjur ke akaun bank Pemenang dalam masa 1 bulan dari tarikh pemberitahuan
21.	Terma-terma tambahan, jika ada	<p>Seuja peserta bersetuju untuk menyerahkan dan memindahkan kepada Penganjur dan syarikat-syarikat berkaitan hak mutlak yang tidak terhad untuk menggunakan dan mengeksploitasi mana-mana dan semua video yang kamu muatnaik untuk Peraduan ini di seluruh dunia untuk tempoh penuh hak cipta termasuk semua pembaharuan bersama-sama dengan hak untuk memberi kuasa kepada orang lain untuk berbuat demikian tanpa perlu membayar apa-apa saraan atau royalti kepada kamu</p> <p>Dalam situasi di mana seseorang peserta adalah di bawah umur 18 tahun, peserta tersebut mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga peserta untuk memasuki Peraduan ini. Pihak Penganjur adalah menganggap bahawa ianya merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga untuk memantau penyertaan peserta di dalam Peraduan ini. Ibu bapa atau penjaga, tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur, dikehendaki untuk menandatangani satu indemnit dalam bentuk yang dikehendaki oleh pihak Penganjur sebagai salah satu pra syarat kelayakan penerimaan Hadiah peserta dibawah jagaan ibu bapa atau penjaga terbabit.</p> <p>Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan terpakai.</p> <p>TALIAN TERCICIR DAN TIDAK DAPAT DIHUBUNGI</p> <p>Peraduan melalui panggilan telefon</p> <p>Tiada liabiliti ditanggung oleh pihak Penganjur untuk komunikasi telefon yang tidak baik, salah arah / salah menelefon atau kesukaran teknikal yang dialami oleh pemanggil semasa panggilan masuk untuk Peraduan.</p> <p>Jika semasa dalam Peraduan: -</p> <ul style="list-style-type: none"> a) talian telefon terputus atau terganggu; atau b) terdapat pertikaian yang timbul daripada penggunaan talin-talian telefon di dalam Peraduan (termasuk di dalam situasi di mana telefon berbilang talian adalah digunakan); atau c) dua talian telefon terlintang semasa Peraduan; d) juruhebah tidak mendengar apa-apa maklum balas yang jelas daripada pemanggil;

	Pihak Pengajur berhak mengikut budi bicara mutlaknya membatalkan kelayakan pemanggil atau pemanggil-pemanggil yang berkaitan atas apa apaja sebab, dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa pemberian Hadiah kepada pemanggil atau pemanggil-pemanggil tersebut, dan boleh memberikan Hadiah kepada orang lain mengikut budi bicara mutlaknya.
--	---

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** akan mengikat kesemua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini (“**Peserta**”). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan secara tanpa syarat oleh para Peserta.